

DBKL sita barang niaga 9 warga asing

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan serta-merta dengan menyita barangan niaga milik sembilan penjaja warga asing yang dikesan beroperasi sekitar kawasan Jalan Silang dan Lebuhraya Pudu di ibu kota semalam.

DBKL dalam kenyataannya, berkata, operasi Tindakan Khas Penjaja Warga Asing itu dijalankan menerusi pemantauan oleh Jabatan Penguatkuasaan DBKL.

“Tindakan menyita barangan milik penjaja terbabit dibuat kerana kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen mengikut Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“DBKL turut mengeluarkan 35 notis kompaun pelbagai kesalahan ke atas kenderaan yang membuat halangan lalu lintas sekitar kawasan Jalan Silang dan Lebuhraya Pudu mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959,” katanya.

Semua barang yang disita dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong Taman Miharja Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

Tindakan penguatkuasaan akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain selepas ini.